HELAIAN KETERANGAN PRODUK

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

Tarikh: **2/1/2026**

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apakah IKHLAS Idaman (ASNB COVR)?

IKHLAS Idaman (ASNB COVR) adalah produk takaful. Produk ini adalah pelan takaful keluarga berkumpulan dengan sumbangan takaful berkala untuk pemegang unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang direka khas untuk menyediakan perlindungan untuk kejadian yang tidak diingini yang berlaku kepada orang yang dilindungi sebelum sijil takaful matang. Apabila berlaku musibah tersebut, pihak syarikat akan membayar amaun perlindungan kepada orang yang dilindungi/ benefisiari, jika orang yang dilindungi telah membayar sumbangan takaful untuk perlindungannya, sebaliknya kepada peserta takaful induk. Kelayakan umur untuk menyertai produk ini adalah dari 30 hari hingga 69 tahun.

Manfaat takaful boleh dilanjutkan kepada pasangan dan tanggungan kepada orang yang dilindungi.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta takaful induk/orang yang dilindungi ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful induk/orang yang dilindungi atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM150,000 dan manfaat takaful sampingan yang dilampirkan pada pelan ini untuk lelaki berumur 30 tahun yang sihat, tempoh perlindungan 41 tahun dan **RM600** tahunan, anda akan menerima **manfaat** takaful keluarga berikut:

Manfaat Kematian (Sebab semulajadi)	**RM150,000**
Manfaat Kematian (Akibat kemalangan)	**RM300,000**
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) (Sebab semulajadi)	**RM150,000**
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) (Akibat kemalangan)	**RM300,000**
Manfaat Penyakit Kritikal (CI) (*Accelerated*)	**RM75,000**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Ahli	**RM3,000**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Pasangan	**RM2,500**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Anak	**RM1,000**

Nota: Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat terperinci mengenai manfaat kepada **pasangan dan/atau tanggungan** anda (jika berkenaan).

Pengecualian takaful keluarga anda termasuk:

- Kematian – Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan membunuh diri, sama ada waras atau tidak.
- HUMK – Manfaat HUMK tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi mengalami HUMK secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh perbuatan mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak.
- CI – Manfaat CI tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi mengalami CI secara langsung atau tidak langsung disebabkan peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful induk/individu untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:

Hubungi kami di:	Lawati kami di:	E-mel kami di:	Imbas kod QR
+603-2723 9696	https://www.takaful-ikhlas.com.my	ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my	di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan	**RM50 bulanan**
Tempoh: sehingga umur **71** tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	**RM10** *(terpakai untuk sijil takaful induk sahaja)*
Yuran wakalah	**30%** dari sumbangan takaful atau **RM180**
Caj lain yang berkenaan	i) Yuran Penguatkuasaan Semula*: **Yuran penguatkuasaan semula tidak terpakai untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB.** ii) Yuran Penyerahan*: **Tiada elemen simpanan untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB. Maka, yuran penyerahan tidak terpakai semasa serahan.** iii) Yuran Pengeluaran Sebahagian Tunai*: **Tiada elemen simpanan untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB. Maka, yuran pengeluaran sebahagian tunai tidak terpakai.** iv) Caj Pengurusan Lebihan: **50% dari lebihan boleh-agih kasar** v) Yuran Prestasi Pelaburan: **sehingga 30% dari pendapatan pelaburan** ** Yuran-yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.*

4 Syarat Utama Lain

a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.

b) Sumbangan-sumbangan takaful yang berikutnya mesti dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh-tarikh sumbangan takaful perlu dibayar berdasarkan kekerapan sumbangan takaful yang dinyatakan di dalam sijil takaful induk.

c) Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Pihak syarikat, setelah menerima notis tuntutan, akan memberikan dokumen-dokumen yang sepatutnya diisi supaya kami dapat memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil takaful induk/individu bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat. PDS ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan takaful. Sijil takaful induk akan mengatasi dokumen ini.

? Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil takaful induk/individu (yang mana berkenaan) dengan mengembalikan sijil takaful dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran sijil takaful. Sumbangan takaful yang telah dibayar (selepas ditolak sebarang caj perubatan – jika ada) akan dikembalikan kepada anda. Pihak syarikat akan membatalkan sijil takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- **Notis Bertulis:** Pemegang unit boleh membatalkan sijil takaful individu dengan mengemukakan notis kepada pengendali takaful melalui portal myASNB atau aplikasi myASNB. Tiada amaun akan dibayar apabila anda menyerahkan sijil takaful individu anda. Sijil takaful individu akan ditamatkan selepas itu.

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah sijil takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama:
Tarikh:

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

Tarikh: **2/1/2026**

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apakah IKHLAS Idaman (ASNB COVR)?

IKHLAS Idaman (ASNB COVR) adalah produk takaful. Produk ini adalah pelan takaful keluarga berkumpulan dengan sumbangan takaful berkala untuk pemegang unit Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang direka khas untuk menyediakan perlindungan untuk kejadian yang tidak diingini yang berlaku kepada orang yang dilindungi sebelum sijil takaful matang. Apabila berlaku musibah tersebut, pihak syarikat akan membayar amaun perlindungan kepada orang yang dilindungi/ benefisiari, jika orang yang dilindungi telah membayar sumbangan takaful untuk perlindungannya, sebaliknya kepada peserta takaful induk. Kelayakan umur untuk menyertai produk ini adalah dari 30 hari hingga 69 tahun.

Manfaat takaful boleh dilanjutkan kepada pasangan dan tanggungan kepada orang yang dilindungi.

Konsep syariah yang diguna pakai adalah seperti berikut:

- **Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh peserta takaful induk/orang yang dilindungi ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful induk/orang yang dilindungi atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.
- **Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan yuran wakalah (*ujrah*) akan dibayar kepada pihak syarikat.

Nota: "pihak syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, berdasarkan amaun perlindungan sebanyak RM250,000 dan manfaat takaful sampingan yang dilampirkan pada pelan ini untuk lelaki berumur 10 tahun yang sihat, tempoh perlindungan 9 tahun dan **RM600** tahunan, anda akan menerima **manfaat** takaful keluarga berikut:

Manfaat Kematian (Sebab semulajadi)	**RM250,000**
Manfaat Kematian (Akibat kemalangan)	**RM500,000**
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) (Sebab semulajadi)	**RM250,000**
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) (Akibat kemalangan)	**RM500,000**
Manfaat Penyakit Kritikal (CI) (*Accelerated*)	**RM250,000**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Ahli	**RM5,000**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Pasangan	**-**
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE): Anak	**-**

Nota: Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat terperinci mengenai manfaat kepada **pasangan dan/atau tanggungan** anda (jika berkenaan).

Pengecualian takaful keluarga anda termasuk:

- Kematian – Manfaat kematian tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan membunuh diri, sama ada waras atau tidak.
- HUMK – Manfaat HUMK tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi mengalami HUMK secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh perbuatan mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak.
- CI – Manfaat CI tidak akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi mengalami CI secara langsung atau tidak langsung disebabkan peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful induk/individu untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:

Hubungi kami di:	Lawati kami di:	E-mel kami di:	Imbas kod QR
+603-2723 9696	https://www.takaful-ikhlas.com.my	ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my	di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk takaful keluarga ini, anda mesti membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan	**RM50 bulanan**
Tempoh: sehingga umur **19** tahun	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti setem	**RM10** *(terpakai untuk sijil takaful induk sahaja)*
Yuran wakalah	**30%** dari sumbangan takaful atau **RM180**
Caj lain yang berkenaan	i) Yuran Penguatkuasaan Semula*: **Yuran penguatkuasaan semula tidak terpakai untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB.** ii) Yuran Penyerahan*: **Tiada elemen simpanan untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB. Maka, yuran penyerahan tidak terpakai semasa serahan.** iii) Yuran Pengeluaran Sebahagian Tunai*: **Tiada elemen simpanan untuk IKHLAS Idaman di bawah ASNB. Maka, yuran pengeluaran sebahagian tunai tidak terpakai.** iv) Caj Pengurusan Lebihan: **50% dari lebihan boleh-agih kasar** v) Yuran Prestasi Pelaburan: **sehingga 30% dari pendapatan pelaburan** ** Yuran-yuran ini mungkin akan disemak semula pada masa akan datang dan ianya juga tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj lain yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.*

4 Syarat Utama Lain

a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan pada anda.

b) Sumbangan-sumbangan takaful yang berikutnya mesti dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh-tarikh sumbangan takaful perlu dibayar berdasarkan kekerapan sumbangan takaful yang dinyatakan di dalam sijil takaful induk.

c) Notis tuntutan haruslah dibuat secara bertulis kepada pihak syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Pihak syarikat, setelah menerima notis tuntutan, akan memberikan dokumen-dokumen yang sepatutnya diisi supaya kami dapat memproses tuntutan anda.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil takaful induk/individu bagi mendapatkan senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat. PDS ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan takaful. Sijil takaful induk akan mengatasi dokumen ini.

? Bolehkah sijil takaful ini dibatalkan?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang:** Anda boleh membatalkan sijil takaful induk/individu (yang mana berkenaan) dengan mengembalikan sijil takaful dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran sijil takaful. Sumbangan takaful yang telah dibayar (selepas ditolak sebarang caj perubatan – jika ada) akan dikembalikan kepada anda. Pihak syarikat akan membatalkan sijil takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- **Notis Bertulis:** Pemegang unit boleh membatalkan sijil takaful individu dengan mengemukakan notis kepada pengendali takaful melalui portal myASNB atau aplikasi myASNB. Tiada amaun akan dibayar apabila anda menyerahkan sijil takaful individu anda. Sijil takaful individu akan ditamatkan selepas itu.

Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah sijil takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan mengetahui tujuan anda meletakkan tandatangan anda.

☐ Saya mengakui bahawa Takaful Ikhlas Family Berhad telah memberikan saya salinan PDS.
☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

**Pengakuan pelanggan terhadap PDS ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.*

Nama: _____

Tarikh: _____